

Ruj Kami: MQA 07/Jld. 3 (20)  
Tarikh: 14 Oktober 2009

## SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

### PEKELILING MQA BIL. 1/2009 - PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak MQA dengan kerjasama pakar yang terdiri daripada ahli akademik, industri dan badan-badan ikhtisas serta bukan ikhtisas yang berkaitan dengan program pengajian telah mengambil inisiatif menggubal standard program bagi bidang-bidang berikut;

- i. Standard Program bagi Bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat;
- ii. Standard Program bagi Bidang Undang-Undang dan Syariah;
- iii. Standard Program bagi Bidang Bioteknologi;
- iv. Standard Program bagi Bidang Perubatan Tradisional dan Komplimentari;
- v. Standard Program bagi Bidang Sains Perubatan dan Kesihatan; dan
- vi. Standard Program bagi Bidang Pengkomputeran.

3. Standard program ini adalah merupakan keperluan minimum dalam pembentukan kurikulum sesuatu program. Sehubungan dengan itu, pihak IPT boleh menambah elemen yang sesuai ketika penggubalan kurikulum agar ia selari dengan keperluan semasa.

4. Untuk makluman, standard program ini akan digunapakai oleh MQA dalam menilai program pengajian berkaitan. Justeru, penggunaannya adalah terpakai kepada semua pemberi pendidikan tinggi dalam penyediaan dokumen permohonan kelulusan pengendalian program, Akreditasi Provisional dan Akreditasi seperti butiran berikut:


BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	1 November 2009 – 31 Disember 2010	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat kelulusan pengendalian program, Akreditasi Provisional dan Akreditasi untuk mengguna pakai standard program berkaitan.
2.	1 April 2010	Semua program baru yang memohon kelulusan pengendalian program dan Akreditasi Provisional hendaklah mengguna pakai standard program berkaitan sepenuhnya.
3.	1 Januari 2011	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Standard program berkaitan akan diguna pakai sepenuhnya dalam penilaian MQA terhadap program pengajian.</li> <li>• Pelajar bagi pengambilan pada dan selepas 1 April 2010 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk serta kurikulum yang digubal berdasarkan standard program berkaitan.</li> </ul>

5. Untuk makluman juga, standard program seperti yang tersebut di atas boleh dimuat turun melalui laman web MQA ([www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)).

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang kkhlas,



**(DATO' DR. SYED AHMAD HUSSEIN)**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-79687044  
No. Faks : 03-79569496  
E-mel : [syedahmad@mqa.gov.my](mailto:syedahmad@mqa.gov.my)

s.k.

1. Menteri Pengajian Tinggi  
Pejabat Menteri  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 7, Blok E3, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62505 PUTRAJAYA**
2. Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 6, Blok E3, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62505 PUTRAJAYA**
3. Ketua Pengarah  
Jabatan Pengajian Tinggi (JPT)  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 3, Blok E9, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62505 PUTRAJAYA**
4. Ketua Pengarah  
Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti  
Aras 12, Heritage Office Tower  
Jalan SB Dagang  
43300 Sri Kembangan  
**SELANGOR**